

**ANALISIS KEMISKINAN BANDAR:
KAJIAN KES GOLONGAN B40
DI PETALING JAYA, SELANGOR**

SITI NOR AIN BINTI MAYAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**ANALISIS KEMISKINAN BANDAR:
KAJIAN KES GOLONGAN B40
DI PETALING JAYA, SELANGOR**

oleh

SITI NOR ‘AIN BINTI MAYAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2022

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah SWT, Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani”

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinannya memberi saya kekuatan untuk menyiapkan penulisan ini dan dipermudahkan urusan dalam menuntut ilmu di peringkat Doktor Falsafah. Sesungguhnya saya tidak terfikir untuk berada di peringkat pengajian yang lebih tinggi. Setinggi-tinggi apresiasi dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama saya iaitu Dr Radieah Mohd Nor atas tunjuk ajar, semangat dan motivasi yang diberikan dan menjadi pendorong untuk saya memulakan pengajian di peringkat Doktor Falsafah. Sekalung penghargaan buat penyelia bersama Prof. Madya Dr. Narimah Samat yang memberikan tunjuk ajar dan bimbingan semasa penulisan dilaksanakan. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada para pensyarah dan staf sokongan di Pusat Kajian Kelestarian Global, Universiti Sains Malaysia atas bimbingan dan membantu memudahkan apa- apa sahaja urusan semasa menyiapkan penulisan ini. Semoga jasa yang diberikan kepada saya mendapat ganjaran yang tertinggi di sisi Allah SWT.

Ucapan yang teristimewa buat suami saya, Syed Ahmad Bin Syed Azmi yang banyak berkorban dari segi tenaga, masa dan kewangan dan sentiasa memberikan sokongan untuk memudahkan urusan saya menyiapkan kajian dengan jayanya. Ucapan tulus ikhlas buat kedua ibu bapa saya Mayan Bin Muhammad dan Sitti Aisah Binti Muhd Illapu serta ibu bapa mertua saya Syed Azmi Bin Syed Kamaruddin dan Nizan Binti Naimon, terima kasih kerana sentiasa memberikan semangat dan tidak putus-putus mendoakan kejayaan saya. Tidak dilupakan kepada semua adik-beradik tersayang atas sokongan dan semangat yang diberikan dalam menyiapkan penulisan ini. Tidak dapat saya balas segala kasih sayang dan kebaikan kalian.

Ucapan terima kasih khas kepada Pengarah Bahagian Penyelaras dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri iaitu Encik Md Azhan Samat@Umat dan Encik Badrulhisham Md Khalid iaitu Pengarah Bahagian Kesejahteraan Rakyat, ICU kerana sudi

memberi maklumat berkaitan data e-kasih dan memberikan cadangan semasa menjalankan kajian. Tidak dilupakan, kepada Encik Fairul Rafieq Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Agihan) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, kerana sentiasa memberikan kerjasama, maklumat dan perkongsian buah fikiran berkaitan golongan B40. Selain itu, penghargaan ini juga ditujukan kepada 50 informan yang menetap di daerah Petaling Jaya kerana sudi meluangkan masa, menjawab soalan yang diberikan dan berkongsi masalah peribadi yang berkaitan dengan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga tidak terhingga kepada sahabat-sahabat baik saya yang sentiasa disisi ketika susah dan senang. Jutaan terima kasih turut diucapkan kepada penaja biasiswa Mybrain15 kerana memberikan biasiswa kepada saya untuk menampung perbelanjaan sepanjang tempoh pengajian ini. Alhamdulillah, sesungguhnya tidak dapat saya nyatakan satu persatu kebaikan dan bantuan yang saya terima dalam menyiapkan tesis ini, hanya Allah SWT maha mengetahui. Semoga Allah membalas segala jasa kalian dengan balasan yang lebih baik di dunia dan akhirat. Mudah-mudahan juga penghasilan tesis ini dapat memuliakan Islam dan memberikan manfaat kepada semua dalam penerokaan bidang ilmu pengetahuan.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI SINGKATAN.....	xii
SENARAI LAMPIRAN.....	xiv
ABSTRAK.....	xv
ABSTRACT.....	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	8
1.3 Objektif Kajian.....	17
1.4 Persoalan Kajian.....	18
1.4 Kepentingan Kajian	20
1.4 Organisasi Tesis	21
BAB 2 SOROTAN LITERATUR.....	24
2.1 Pendahuluan.....	24
2.2 Teori Kemiskinan	24
2.2.1 Teori Stratifikasi Sosial.....	25
2.2.2 Teori Konflik.	29
2.2.3 Teori Transformasi Sosial.	32
2.3 Kemiskinan Bandar	34
2.3.1 Definisi Kemiskinan Bandar.	35
2.3.2 Punca Kemiskinan Bandar.	38
2.3.3 Kesan Kemiskinan Bandar.....	42
2.3.4 Cara Menangani Kemiskinan Bandar.....	46

2.4	Golongan B40 di Malaysia	51
2.4.1	Definisi Golongan B40.	51
2.4.2	Meningkatkan Taraf Hidup Golongan B40.....	54
2.5	Pemetaan Kemiskinan Melalui Sistem Maklumat Geografi (GIS)	62
2.6	Pemilikan Aset	67
2.7	Pendekatan Teori dan Jurang Karya.....	72
2.8	Kerangka Konseptual	75
2.9	Kesimplan	76
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN.....	78
3.1	Pendahuluan.....	78
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	78
3.3	Kaedah Pengumpulan Data.....	80
3.3.1	Temu Bual.	81
3.3.2	Teknik Persampelan.....	82
3.3.3	Kajian Dokumen.	85
3.3.4	Pengumpulan Data Sistem maklumat Geografi	87
3.4	Kaedah Analisis Data	87
3.5	Skop Kajian.....	92
3.5.1	Fokus Kajian.....	92
3.5.2	Tempoh Kajian.	92
3.6	Batasan Kajian	93
3.6.1	Batasan Skop.	93
3.6.2	Batasan Subjek	93
3.6.3	Batasan Sumber.	94
3.6.4	Batasan Tempat	94
3.7	Kesimpulan	95

BAB 4	ANALISIS DATA.....	97
4.1	Pendahuluan	97
4.2	Profil Golongan B40.....	97
4.2.1	Demografi Golongan B40	99
4.2.2	Taraf Ekonomi Golongan B40	101
4.2.2(a)	Pekerjaan dan Kemahiran.....	101
4.2.2(b)	Bantuan dan Pinjaman	109
4.2.2(c)	Kos Sara Hidup.....	115
4.2.3	Kehidupan Sosial Golongan B40.....	119
4.2.3(a)	Kesihatan	119
4.2.3(b)	Pendidikan.....	122
4.2.3(c)	Isu Perkahwinan.....	126
4.3	Pemetaan Golongan B40	129
4.3.1	Pemetaan Kemiskinan di Daerah Petaling Jaya.	130
4.3.2	Analisis Purata Jiran Terdekat (ANN).....	133
4.3.3	Kesimpulan.....	141
4.4	Pemilikan Harta Golongan B40	142
4.4.1	Strategi Kerajaan untuk Meningkatkan Pemilikan Harta Golongan B40.....	142
4.4.1(a)	Program Bantuan Kerajaan Pusat.	143
4.4.1(b)	Program Bantuan Kerajaan Negeri.....	148
4.4.2	Pemilikan Harta Informan.....	156
4.4.3	Halangan-halangan yang Dihadapi Golongan B40.	163
4.4.3(a)	Halangan untuk Mendapatkan Maklumat Program Bantuan.....	164
4.4.3(b)	Kekurangan Wang untuk Berurus.....	165
4.4.3(c)	Kemampuan Fizikal yang Terbatas	166
4.4.3(d)	Sikap	167

4.5	Cadangan Kaedah untuk Meningkatkan Pemilikan Kekayaan Golongan B40.....	167
4.5.1	Menyalurkan Sumber Makluma Bantuan dengan lebih Efisen... ..	168
4.5.2	Usaha sama antara Badan Kebajikan Masyarakat dan Pihak Sekolah.....	169
4.5.3	Memperluas Pemetaan Kemiskinan.....	170
4.5.4	Menyediakan Ambulans Percuma Melalui Institusi Wakaf.....	171
4.5.5	Kempen Produktif daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Kesejahteraan Bandar.	172
4.6	Kesimpulan	173
BAB 5	PENUTUP.....	174
5.1	Pendahuluan.....	174
5.2	Penemuan dan Dapatan Kajian	174
5.3	Implikasi dan Cadangan Dasar.....	180
5.4	Cadangan Peneyelidikan Masa Hadapan.....	181
5.4.1	Lokasi Kajian.....	182
5.4.2	Skop Analisis.....	182
5.5	Kesimpulan	183
BIBLIOGRAFI.....		184
LAMPIRAN		
SENARAI TERBITAN		

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 1.1	Hubung Kait antara Objektif Kajian dan Persoalan Kajian19
Jadual 3.1	Bilangan Informan yang ditemui Bual Mengikut Mukim di Daerah Petaling Jaya.....83
Jdual 3.2	Ringkasan Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Penyelidikan90
Jadual 4.1	Kategori Golongan B40 Mengikut Tingkat Pendapatan di Malaysia98
Jadual 4.2	Demografi Golongan B4099
Jadual 4.3	Pekerjaan Informan.....102
Jadual 4.4	Jenis Kemahiran Informan B40.....107
Jadual 4.5	Senarai Bantuan dan Pinjaman.....109
Jadual 4.6	Status dan Jenis Kediaman.....116
Jadual 4.7	Daftar Kesihatan Informan.....120
Jadual 4.8	Tahap Pendidikan123
Jadual 4.9	Senarai Ibu Tunggal.....126
Jadual 4.10	Kategori Penerima Bayaran Bantuan Sara Hidup (BSH)143
Jadual 4.11	Senarai Kluster dan Program di bawah IPR, Kerajaan Negeri Selangor148
Jadual 4.12	Senarai Pendapatan Isi Rumah Informan (KIR dan AIR).....156
Jadual 4.13	Senarai Harta Informan Termasuk Simpanan, Pelaburan, Tanah, Rumah Barang Kmeas, Barang Kelengkapan Rumah dan Kenderaan.....158

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 1.1	Pembahagian Kelas Pendapatan Isi Rumah di Malaysia iaitu T20, M40 dan B40	3
Rajah 1.2	Peratusan Isi Rumah Golongan B40 di Kawasan Bandar Mengikut Negeri di Malaysia.....	6
Rajah 1.3	Kadar Kemiskinan Isi Rumah Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur	9
Rajah 1.4	Kadar Pendapatan Purata Golongan B40 Tahun 2009, 2014 dan Jangkaan Pendapatan Purata 2020.....	13
Rajah 2.1	Pemetaan Kemiskinan Berdasarkan Pendapatan di kawasan Delhi, India	63
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Kajian.....	75
Rajah 3.1	Pembahagian Jenis Data Sekunder	86
Rajah 4.1	Peta Daerah Petaling Jaya	130
Rajah 4.2	Taburan Titik Golongan B40 di Daerah Petaling Jaya	132
Rajah 4.3	Laporan Purata Jiran Terdekat (ANN).....	134
Rajah 4.4	Pengelompokkan Golongan B40 dalam Titik	135
Rajah 4.5	Maklumat Golongan B40 dalam Titik	139
Rajah 4.6	Maklumat Golongan B40 Bukan dari Daerah Petaling Jaya.....	141

SENARAI SINGKATAN

EPU	Unit Perancang Ekonomi
KIR	Ketua Isi Rumah
AIR	Anggota Isi Rumah
T20	Tertinggi 20 Peratus
M40	Menengah 40 Peratus
B40	Bawah 40 Peratus
MDG's	<i>Millenium Development Goals</i>
SDG's	<i>Sustainable Development Goals</i>
BR1M	Bantuan Rakyat 1 Malaysia
BSH	Bantuan Sara Hidup
GIS	<i>Geographic Information System</i>
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
1AZAM	Akhiri Zaman Miskin
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga
MARA	Majlis Amanah Rakyat
ICU	Unit Peneyelarasan Pelaksanaan
PGK	Paras Garis Kemiskinan
IHP	Indeks Harga Pengguna
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
RMK	Rancangan Malaysia Ke
GPS	Sistem Kedudukan Global
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Malaysia
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
PPR	Projek Perumahan Rakyat
PR1MA	Perumahan Rakyat 1Malaysia
PPA1M	Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia
RUMAW1P	Rumah Wilayah Persekutuan
MyHome	Skim Perumahan Mampu Milik Swasta
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KOJADI	Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad
BAP	Bantuan Awal Persekolahan
Skim I- Suri	Skim KWSP Untuk Suri Rumah
PEKAB40	Skim Peduli Kesihatan Untuk Kumpulan B40
IPR	Inisiatif Peduli Rakyat
KISS	Kasih Ibu Smart Selangor
MammoSel	Skim Kesihatan Wanita
Asuh Pintar	Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar
TUNAS	Skim Bantuan Tadika Selangor
SMUE	Skim Mesra Usia Emas
SITEC	Latihan Usahawan IT
IPT	Institut Pengajian Tinggi
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
CoV	Coronavirus

SARS	Severe acute respiratory syndrome coronavirus
MER-CoV	Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus
COVID-19	Coronavirus 2019
BSMM	Persatuan Bulan Sabit Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A PETA GOLONGAN B40 DI DAERAH PETALING JAYA**
- LAMPIRAN B SET SOALAN UNTUK UNIT PERANCANG EKONOMI**
- LAMPIRAN C SET SOALAN UNUTK UNIT PENYELARASAN DAN
PELAKSANAAN**
- LAMPIRAN D SET SOALAN KAJIAN UNTUK INFORMAN**

ANALISIS KEMISKINAN BANDAR:
KAJIAN KES GOLONGAN B40 DI PETALING JAYA, SELANGOR

ABSTRAK

Setiap negara menginginkan kemiskinan dapat dikurangkan sehingga ke tahap sifar. Namun ia perlu seiring dengan usaha yang berterusan dan pendekatan yang dinamik sesuai dengan perkembangan sosial masyarakat. Kehidupan masyarakat semakin kompleks sehingga menyebabkan golongan berpendapatan rendah atau dikenali sebagai golongan B40 yang hidup ditengah proses urbanisasi semakin terhimpit kerana kos sara hidup yang semakin meningkat setiap hari. Meningkatkan taraf hidup dan pendapatan golongan ini adalah sangat penting untuk mengukuhkan kestabilan ekonomi dan sosial di dalam negara Malaysia. Terdapat empat objektif dalam kajian ini iaitu membentuk profil golongan B40, mengenal pasti tahap pemilikan harta golongan B40 di kawasan bandar, memeta pengelompokkan golongan B40 dengan menggunakan Sistem Informasi Geografi (GIS), dan membangun kaedah yang sesuai untuk meningkatkan taraf hidup golongan B40 di kawasan bandar. Bagi mencapai objektif kajian, penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Proses temu bual informan dijalankan secara bersemuka dengan menggunakan borang soal selidik. Terdapat tiga kumpulan informan yang pertama terdiri daripada golongan B40 seramai 50 orang yang dipilih secara rawak di lima kawasan bandar terpilih di daerah Petaling Jaya, Selangor. Lima kawasan tersebut ialah Bandar Petaling, Petaling, Sungai Buloh, Damansara dan Bukit Raja. Kumpulan kedua iaitu informan dari Unit Perancang Ekonomi dan kumpulan ketiga informan Unit Peyelaras dan Pelaksanaan

di Jabatan Perdana Menteri. Berdasarkan analisis kandungan yang telah dilakukan didapati, taraf ekonomi golongan B40 berada pada tahap yang rendah, separuh daripada informan tidak mempunyai pekerjaan tetap, pendidikan dan kemahiran informan pada tahap sederhana, taraf kesihatan Ketua Isi Rumah (informan) dan Ahli Isi Rumah yang membimbangkan dan isu sosial dan perkahwinan telah mempengaruhi taraf kehidupan mereka. Selain daripada itu, hasil pemetaan informan dengan menggunakan GIS dan analisis menggunakan ANN mendapati, pola kedudukan isi rumah golongan B40 adalah berkelompok di daerah Petaling. Manakala di dalam peta, terdapat pengelompokan golongan B40 pada mukim Petaling, Sungai Buloh dan Bukit Raja. Pemetaan ini menggambarkan kedudukan yang jelas golongan B40 di satu-satu kawasan. Hal ini dapat membantu kerajaan dalam mengatur pelan strategik, mengurus sumber dan membuat pantauan kepada golongan B40 bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Kajian ini turut mendedahkan pemilikan harta golongan B40 berada pada tahap paling rendah dan aset yang dimiliki tidak produktif. Sebilangan besar informan tidak mempunyai simpanan, tiada aset seperti tanah dan rumah, tiada insurans dan keperluan asas di rumah yang tidak lengkap. Secara keseluruhannya, penyelidik merumuskan terdapat cabaran yang menghalang informan untuk meningkatkan pendapatan dan sekaligus pemilikan harta iaitu halangan mendapatkan maklumat program bantuan kerajaan, kekurangan wang untuk berurusan, kemampuan fizikal yang terbatas dan sikap informan. Bagi mengatasinya, beberapa cadangan dikemukakan iaitu menyalurkan sumber maklumat bantuan dengan lebih efisen; usaha sama antara badan kebajikan kerajaan pusat dan negeri dengan pihak sekolah; memperluas pemetaan kemiskinan; menyediakan ambulans percuma melalui kaedah wakaf; kempen produktif daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Kesejahteraan Bandar. Seterusnya, kajian ini

menggunakan kaedah triangulasi data yang mengumpulkan data daripada pelbagai sumber untuk meningkatkan kredibiliti dan kebolehpercayaan dapatan dalam kajian.

Hasil daripada kajian ini diharap mampu memberikan implikasi positif dalam mengurus golongan B40 di kawasan bandar.

URBAN POVERTY ANALYSIS:

CASE STUDY GROUP OF B40 AT PETALING JAYA, SELANGOR

ABSTRACT

Every country wants to bring its poverty level down to zero, but this can only be achieved with continuous efforts and a dynamic approach which is consistent with the various aspects of societal development. Community life is becoming more complex, and the low-income group living in urban areas are being financially squeezed due to the rising cost of living. In Malaysia, this low-income group is better known as the B40 group, a term which represents households which fall within the bottom 40 percent of the Malaysian household income range. Improving the living standards of this group and increasing their household incomes are very important in strengthening the economic and social stability in Malaysia. This study has four objectives; the first is to form a profile of the B40 group, the second is to identify the level of wealth ownership of the B40 group in urban areas, the third is to map the grouping of the B40 group using Geographic Information System (GIS) and develop suitable methods to improve the standard of living of the B40 group in urban areas. To achieve these objectives, a qualitative approach is used. The process of interviewing the informants was conducted face to face using questionnaires. There were the first three groups of informants comprising the B40 group of 50 randomly selected people in five selected urban areas in the district of Petaling Jaya, Selangor. The five areas are Petaling Town, Petaling, Sungai Buloh, Damansara and Bukit Raja. The second group is informants from the Economic Planning Unit and the third group of informants of

the Coordination and Implementation Unit in the Prime Minister's Department. Based on the analysis conducted, it is found that the economic status of the B40 group is at a low level. The level of education and skills of the informants at a moderate level, and half of them do not have a permanent job. The health status of the heads of households (informants) and their social and marital problems have also adversely affected their standard of living. Apart from that, the results obtained from mapping the informants using GIS and analysis using ANN found that the pattern of B40 households is clustered in Petaling district. While in the map, there is a grouping of the B40 group in the districts of Petaling, Bukit Raja and Sungai Buloh. The mapping illustrates the clear position of the B40 group in each area. This can help the government in organising strategic plans, managing resources, and monitoring the B40 groups with the aim of improving their living standards. This study also revealed that the wealth ownership of the B40 group is at a very low level and in fact almost non-existent. A large majority of informants have no savings, no assets such as land or houses, and no insurance, whilst the basic necessities in their homes are incomplete. Overall, the researchers concluded that there are four main challenges that prevent informants from increasing their income and their wealth ownership, namely barriers to obtaining information regarding government assistance programs, lack of money to use, limited physical ability, and the attitudes of the informants. To overcome this, several suggestions are put forward, namely the more efficient channelling of information resources on aid, joint-ventures between the federal and state welfare bodies and schools, expanding the mapping of poverty, providing free ambulances through waqf institutions, and productive campaigns to be conducted by the Ministry of Women, Family and Community Development and the Ministry of Urban Wellbeing. Therefore, the study used a data triangulation method that collected data from various

sources to improve the credibility and reliability of the findings in the studies. Lastly, the findings of this study are expected to positively contribute to the management of poverty faced by the B40 group in urban areas.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Extreme poverty anywhere is a threat to human security everywhere

(United Nation, 2002)

Petikan ini adalah ucapan Kofi Annan sempena Hari Pemberantasan Kemiskinan Antarabangsa pada tahun 2002. Kemiskinan merupakan ancaman global yang boleh menjelaskan kehidupan manusia. Ia menjadikan manusia berasa terancam dan tidak selamat dari pelbagai aspek khususnya sosial dan ekonomi. Dalam menangani kemiskinan di peringkat global, negara-negara di dunia telah dibahagikan kepada dua kumpulan, pertama terdiri daripada Amerika Syarikat, Jerman, United Kingdom, Itali, Jepun, Kanada, Perancis, dan Rusia. Ia merupakan negara ‘model’ yang perlu diikuti oleh negara yang berada pada kumpulan kedua. Negara kumpulan kedua terdiri daripada negara membangun atau negara dunia ketiga sebanyak 58 negara, 70 peratus daripadanya berada di Afrika dan kebanyakan yang lain di Asia Tengah. Negara-negara ini disebut sebagai ‘*Bottom Billion*’ iaitu satu bilion masyarakat yang terperangkap dengan kemiskinan di negara-negara yang tidak mempunyai undang-undang tersusun, ahli politik korup, konflik perebutan kuasa dan tadbir urus yang lemah dalam mengurus sumber asli (Collier, 2007).

Oleh itu, usaha keras untuk membasmi kemiskinan mutlak di peringkat global dapat dilihat apabila United Nation melancarkan *Millenium Development Goals*

(MDGs). Sebanyak lapan agenda utama yang perlu dicapai dalam MDGs. Salah satu agenda utamanya adalah untuk membasmi kemiskinan mutlak¹. Agenda yang telah ditandatangani oleh 189 buah negara ini dilaksanakan pada tahun 2000 kemudian berakhir pada tahun 2015 (UNDP, 2016).


Agenda yang sama kemudiannya diteruskan oleh *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang dilaksanakan bermula pada tahun 2016 dan berakhir pada tahun 2030. Sebanyak 17 matlamat telah digariskan dibawah SDGs tersebut. Salah satu matlamatnya adalah untuk membasmi kemiskinan dan mencapai sifar kebuluran (UNDP, 2016). Negara Malaysia juga merupakan salah satu negara yang komited untuk merealisasikan kesemua matlamat tersebut termasuklah menghapus kemiskinan. Bagi merealisasikan wawasan ini, kerajaan berusaha untuk meningkatkan kelas golongan B40 untuk mencapai misi negara iaitu dikenali sebagai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030² yang merupakan sasaran baharu kerajaan selepas Wawasan 2020 (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019) dan misi antarabangsa iaitu SDGs.

Golongan B40 ialah kelas terendah dalam masyarakat Malaysia. Konsep golongan B40 ini menyamai dengan konsep ‘*Bottom Billion*’ diperingkat global iaitu satu billion kelas terendah masyarakat miskin yang perlu dibantu di negara-negara membangun dan dunia ketiga. Golongan ini terdiri daripada golongan isi rumah berpendapatan

¹Terdapat lapan matlamat MDGs pertama; membasmi kemiskinan tegar dan kebuluran, kedua; mencapai pendidikan rendah universal, ketiga; menggalakkan kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita, keempat; mengurangkan kematian kanak-kanak, kelima; meningkatkan kesihatan ibu, keenam; memerangi HIV / AIDS, malaria dan penyakit lain, ketujuh; memastikan kemampunan alam sekitar dan kelapan; mewujudkan perkongsian global untuk pembangunan (UNDP, 2016).

² Matlamat utama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standart of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030 (Kementerian hal Ehwal Ekonomi, 2030).

dari RM0 sehingga RM4,360 (EPU, 2019). Terdapat tiga bahagian dalam pengelasan pembahagian pendapatan isi rumah di Malaysia iaitu 20 peratus kelas tertinggi (T20), 40 peratus kelas pertengahan (M40) dan 40 peratus kelas terendah (B40) (EPU, 2019). Rajah menunjukkan pembahagian kelas pendapatan isi rumah di Malaysia adalah seperti berikut:



Rajah 1.1: Pembahagian Kelas Pendapatan Isi Rumah di Malaysia iaitu T20, M40 dan B40

Sumber: EPU (2019)

Rajah di atas menunjukkan, pembahagian kelas pendapatan isi rumah di Malaysia yang merangkumi golongan T20, golongan M40 dan B40. Golongan T20 menduduki tempat paling atas iaitu isi rumah berpendapatan sebanyak RM9,620 dan ke atas. Golongan T20 terdiri daripada kelas atasan atau golongan elit yang mempunyai kadar pendapatan yang tinggi. Golongan M40 pula iaitu isi rumah golongan pertengahan yang berpendapatan RM4,361 sehingga RM9,619. Kelas terendah dalam masyarakat Malaysia ialah golongan B40 yang terdiri daripada golongan isi rumah berpendapatan

daripada RM0 sehingga RM4,360 (EPU, 2019). Kelas ini juga terdiri daripada golongan yang berada pada paras kemiskinan. Golongan inilah yang merupakan fokus utama kajian tesis ini.


Berpandukan matlamat Wawasan 2030 dan SDGs, kerajaan berusaha untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam kepada rakyat dengan penuh inovatif, kreatif, berintegriti kearah pendigitalan sektor awam. Pengurusan pada peringkat perkhidmatan awam perlu ditingkatkan dengan lebih efisen terutama dalam melaksanakan dasar kerajaan menangani pembasmian kemiskinan sesuai dengan dasar perkhidmatan awam yang berpaksikan rakyat (Unit Pemodenan Tadbir Dan Perancangan Pengurusan Malaysia, 2021).

Bagi merealisasikan perkhidmatan berpaksikan rakyat, pelbagai program dirancang untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan membasmikan kemiskinan. Namun, insiden kemiskinan terus wujud terutama di kawasan bandar. Walaupun kemiskinan bandar di negara ini berada pada tahap yang rendah iaitu hanya sebanyak 3.8 peratus pada tahun 2019 berbanding di kawasan luar bandar sebanyak 12.4 peratus, tetapi kos sara hidup di bandar adalah lebih tinggi berbanding di kawasan luar Bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Buktinya, purata perbelanjaan penggunaan isi rumah di kawasan bandar adalah 1.6 kali lebih tinggi daripada perbelanjaan isi rumah di kawasan luar bandar.

Secara asasnya, peningkatan perbelanjaan isi rumah dikawasan bandar disebabkan peningkatan pendapatan purata isi rumah iaitu 1.7 kali lebih tinggi (RM8,635) berbanding kawasan luar bandar (RM5,004), namun faktor taraf kehidupan turut

mempengaruhi corak perbelanjaan. Taraf kehidupan yang tinggi di bandar menyebabkan corak perbelanjaan isi rumah di bandar turut berubah menjadi lebih tinggi (Jabatan Penerangan Malaysia, 2020). Keadaan ini memberi tekanan yang tinggi kepada golongan ini untuk mendapat keselesaan yang lebih baik apabila tinggal di bandar berbanding tinggal di kawasan luar bandar (Jabatan Penerangan Malaysia, 2018). Malahan proses urbanisasi atau perbandaran ini dijangka akan meningkat pada 80 peratus pada tahun 2020 dan meningkat sehingga 85 dan 90 peratus pada 30 tahun akan datang.

Golongan B40 masih mencatatkan peratus tertinggi terutamanya di kawasan bandar walaupun peratus kemiskinan di Malaysia menurun secara agresif (EPU, 2015). Menurut Unit Perancang Ekonomi (2015), peratusan golongan B40 adalah sebanyak 63.1%. Daripada jumlah tersebut lebih 1.6 juta penduduk B40 tinggal di kawasan bandar seluruh Malaysia berbanding di kawasan luar bandar yang hanya menempatkan seramai 986,700 orang sahaja (EPU, 2015). B40 yang tinggal di kawasan bandar di negeri-negeri Malaysia adalah seperti Rajah 1.3.



Rajah 1.2: Peratusan Isi Rumah Golongan B40 di Kawasan Bandar Mengikut Negeri di Malaysia Pada Tahun 2017

Sumber: EPU (2017)

Berdasarkan Rajah 1.2, Negeri Selangor mencatatkan bilangan tertinggi golongan B40 di kawasan bandar iaitu 16.6% diikuti oleh Perak 14.4%, Kedah 9.9%, Johor 9.2%, Sabah dan Sarawak masing-masing 7.3%, Kelantan 5.5%, Pulau Pinang 5.4%, Terengganu 4%, Pahang 3.9%, Kuala Lumpur 3.6%, Negeri Sembilan 3.4%, Perlis 1%, Labuan 0.3% dan paling rendah di Putrajaya 0.1% sahaja (EPU, 2017).

Kepesatan pembangunan di Malaysia telah memberi kesan kepada peningkatan kos sara hidup di bandar yang tidak selari dengan pendapatan (Siti Syamila Amir Hamzah, 2015). Malaysia telah mensasarkan supaya kadar kemiskinan dikurangkan dan kadar pendapatan per kapita perlu ditingkatkan daripada US\$ 10,796 kepada US\$ 15,000 menjelang 2020 (EPU, 2015). Malangnya, pendapatan per kapita pada tahun 2020 masih lagi di paras AS\$12,236 bersamaan RM 45,131 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Lebih memburukkan keadaan apabila golongan miskin yang hidup di bandar tidak mampu memiliki sebarang aset seperti rumah atau tanah. Mereka perlu

mengeluarkan sejumlah wang untuk memenuhi keperluan asas kehidupan. Berbeza dengan kawasan miskin luar bandar yang mempunyai tempat tinggal dan tanah yang boleh dikomersialkan untuk mendapatkan hasil (Wan Faizal Ismayatim & Irwan Shafrizan Ismail, 2019). Pendapat ini telah disokong oleh data yang diperoleh daripada Di samping itu, miskin bandar juga tidak boleh dinilai berdasarkan pendapatan kerana bebanan kos tanggungan di bandar sangat mencabar berbanding kawasan luar bandar (Nor ‘Asyikin Mat Hayin, 2018).

Selain itu, menurut Rohami Shafiee (2011) apabila berlaku kenaikan harga barang, rakyat terutama golongan B40 yang tinggal di kawasan bandar paling merasai tekanan kenaikan kos sara hidup. Masalah sebegini perlu di atasi dengan segera kerana ia menjadi salah satu faktor berlakunya kemiskinan di kawasan bandar. Sebagaimana yang diketengahkan oleh Nor Azrul Mohd Zin dan Noordeyana Tambi (2018) kemiskinan bandar berlaku disebabkan banyak faktor. Faktor tersebut boleh dikategorikan seperti tempat tinggal yang tidak selamat, kekurangan peluang pendidikan, keselamatan sosial, infrastruktur dan perkhidmatan serta hak sosial dan hak untuk bersuara yang menjadi faktor kepada berlakunya keadaan miskin bandar dalam kalangan individu atau keluarga yang mendiami kawasan bandar. Selain itu, akses kepada peluang kesihatan yang terhad antara faktor berlaku kemiskinan bandar (World Bank, 2011). Insiden kemiskinan bandar yang berterusan ini turut menjelaskan potensi pertumbuhan ekonomi di pinggir bandar dan luar bandar (EPU, 2015).

Di samping itu, menurut Mohd Aqmin Abdul wahab et al. (2018) kajian yang dilakukan oleh Bank negara mendapati, kumpulan isi rumah yang mempunyai pendapatan rendah seperti golongan B40 membelanjakan RM 0.80 setiap tambahan

RM 1 yang diperoleh berbanding golongan isi rumah berpendapatan tinggi yang membelanjakan hanya RM 0.25 setiap tambahan RM 1 yang diperoleh. Hal ini menunjukkan, bebanan kos yang terpaksa ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah disebabkan peningkatan kos sara hidup dengan jumlah pendapatan yang kecil.


Tambahan pula, kajian daripada Insititut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) terhadap Tinjauan Sentimen Pengguna mendapati sebilangan besar pengguna melaporkan berhati-hati dan cermat ketika menggunakan wang dalam membuat perbelanjaan. Walaupun ia tidak berhubung secara langsung dengan peningkatan kos sara hidup tetapi ia merupakan petanda berlakunya kemerosotan terhadap permintaan barang dan perkhidmatan (Zulkiply Omar, 2017).

1.2 Permasalahan Kajian

Tujuh dekad yang lalu, peratusan penduduk yang menetap di kawasan bandar amat kecil berbanding di kawasan bandar. Pada tahun 1947 contohnya, hanya 15.9 peratus sahaja penduduk Malaysia (ketika itu dikenali sebagai Malaya) yang menetap di kawasan bandar. Walau bagaimanapun selepas kemerdekaan, Dasar ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) telah mencorak pembangunan Malaysia kearah pemodenan dan perbandaran. Perubahan masyarakat telah mula ketara dengan peningkatan migrasi penduduk ke bandar iaitu daripada tahun 1970 sebanyak 28.4 peratus kemudian bertambah sedikit pada tahun 1980 sebanyak 34.2 peratus. Peratusan ini semakin meningkat dengan lebih tinggi iaitu 50.7 peratus pada tahun 1991 dan terus melonjak 70.9 peratus pada 2010 (Marlini Sahul Hamid, 2020). Sehingga tahun 2020 mencatatkan kadar pertambahan penduduk dikawasan bandar sebanyak 80 peratus dan

akan meningkat hingga 90 peratus untuk 30 tahun akan datang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Pemodenan dan perbandaran ini menawarkan peluang pekerjaan yang tinggi disebabkan tumpuan perniagaan dan perkhidmatan, infrasturktur kemudahan asas yang baik, pembangunan kawasan hiburan dan tarikan pelancong. Hal ini menarik minat penduduk untuk menetap di kawasan bandar. Namun, ramai yang tidak bersedia menghadapi kos sara hidup dikawasan bandar sehingga terperangkap dalam kemiskinan bandar. Rajah 1.3 menunjukkan kadar kemiskinan isi rumah PPR di Bandar Kuala Lumpur:



Rajah 1.3: Kadar Kemiskinan Isi Rumah Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur

Sumber: UNICEF (2021)

Rajah 1.3 menunjukkan kadar kemiskinan isi rumah flat kos rendah PPR di Kuala Lumpur. Laporan Families on The Edge yang dikeluarkan oleh UNICEF Malaysia mendapati kadar kemiskinan isi rumah di flat PPR di Kuala Lumpur meningkat 3 peratus dari 42 peratus pada Disember 2020 kepada 45 peratus pada Mac 2021. Hal ini membuktikan kadar kemiskinan bandar telah meningkat terutama pada isi rumah yang berpendapatan di bawah (RM2208) dan tergolongan dalam golongan B40.

Menurut Johan Abdul Aziz (2016), kemiskinan bandar ialah individu dan isi rumah yang tinggal di kawasan bandar mengalami kekurangan pendapatan untuk menampung kehidupan sehingga menjaskan kesihatan, pendidikan dan taraf kehidupan. Hal ini berlaku disebabkan kekurangan kemahiran, peluang dan lebihan guna tenaga di bandar-bandar yang menyumbang faktor kemiskinan dalam kalangan penduduk yang bermigrasi (Noor Serihamsa Kamrudin dan Lai, 2021).

Selain itu, pemodenan dan perbandaran mewujudkan kelas atau strata masyarakat yang baharu (Abdul Rahman Embong, 2011). Contohnya, kelas paling bawah dalam tingkat pendapatan isi rumah di Malaysia ialah golongan B40. Golongan B40 mengalami pelbagai krisis di kawasan bandar, terutamanya bebanan ekonomi yang tinggi. Menurut laporan bancian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), majoriti daripada golongan B40 terdiri daripada pekerja swasta dan bekerja sendiri manakala peratus yang berkerja sebagai majikan dan pekerja kerajaan adalah lebih rendah. Oleh yang demikian, mereka cenderung berhadapan dengan risiko diberhentikan kerja, gaji yang sedikit dan tidak tetap.

Pendapatan yang rendah dan kos sara hidup yang tinggi menjadi bebanan utama golongan B40 untuk meneruskan kelangsungan hidup di kawasan bandar. Golongan ini memperuntukkan sebahagian besar pendapatan mereka untuk berbelanja barang keperluan iaitu makanan minuman 24.2 peratus dan perbelanjaan perumahan 25.6 peratus lebih tinggi berbanding golongan M40 dan T20. Malahan, perbelanjaan kesihatan dan pendidikan adalah lebih rendah iaitu 2.0 peratus dan 0.9 peratus sahaja (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Hal ini menunjukkan golongan B40 di kawasan bandar terdedah dengan risiko krisis kesihatan dan peluang pendidikan yang rendah. Malahan, mereka cenderung memiliki tabungan yang rendah sehingga cenderung melakukan pinjaman peribadi untuk memenuhi keperluan kehidupan. Menurut Chamhuri Siwar et al. (2020), tahap keberhutangan golongan isi rumah yang berpendapatan RM3000 ke bawah adalah tujuh kali pendapatan tahunan mereka dan isi rumah berpendapatan RM5000 ke bawah pula tahap keberhutangan mereka sehingga tiga ke empat kali pendapatan tahunan.

Merujuk Rajah 1.2 sebelum ini, golongan B40 paling ramai telah menetap di negeri Selangor. Hal ini kerana, proses urbanisasi di negeri Selangor telah menarik penduduk dari kawasan sekitar sama ada bandar, pinggir bandar atau kawasan luar bandar bermigrasi untuk menetap di sana. Selangor adalah negeri penerima utama migrasi bagi tempoh 2010 hingga 2011 dengan jumlah migran bersih sebanyak 17,700 orang. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan penyumbang utama migran masuk ke Selangor iaitu 17.7 peratus, diikuti Johor dan Sabah masing-masing 15.8 dan 11.5 peratus manakala pada tahun 2020 pula, Selangor terus mencatatkan migrasi masuk tertinggi iaitu 29,9000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011 & 2021). Proses migrasi ini berlaku disebabkan peluang pekerjaan yang tinggi ditawarkan di negeri


tersebut terutama dalam sektor pembuatan, perkilangan dan perkhidmatan (Chamhuri Siwar, Mohd Khairi Ismail dan Nurul Ashikin Alias (2019). Sebanyak 228 kawasan di Selangor digazetkan sebagai kawasan perindustrian termasuk kawasan kajian tesis ini iaitu di daerah Petaling Jaya sebanyak 16 kawasan perindustrian (Dewan Negeri Selangor, 2022).

Dalam pada itu, seiring dengan proses urbanisasi dan migrasi ini turut meningkatkan kemiskinan bandar di negeri Selangor dari tahun 2016 sebanyak 11.1 peratus kepada 12.8 peratus pada 2019 (Unit Perancang Ekonomi, 2019). Kajian daripada Aza Shahnaz Azman et al. (2016) yang mengkaji 196 golongan miskin atau asnaf di Selangor hasil pendapatan yang diterima golongan ini dianggarkan sejumlah RM1,001 hingga ke RM1,500 dengan peratusan sebanyak 38.8 peratus. Peratusan ini dikatakan paling tinggi berbanding peratusan (34.2%) yang kedua tertinggi dengan jumlah sebanyak RM501 hingga RM1,000 yang diterima dalam dikalangan asnaf. Menurutnya lagi, ini juga antara faktor perbelanjaan meningkat kerana taraf hidup di bandar dan juga bilangan tanggungan isi secara purata menanggung empat hingga tujuh orang isi rumah. Selain itu menurut Laporan Lembaga Zakat Selangor, golongan asnaf di kawasan kajian iaitu daerah Petaling Jaya meningkat sebanyak 33.5% daripada tahun 2013 hingga tahun 2014. Hal ini menunjukkan pertambahan golongan berpendapatan rendah di daerah tersebut.

Oleh itu, pelbagai usaha daripada kerajaan untuk meningkatkan pendapatan golongan B40 dan mmbasmi kemiskinan. Antara program yang diusahakan adalah penubuhan Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional), Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KARISMA), Perumahan Untuk Rakyat (PR1MA), Amanah Ikhitiar Malaysia (AIM),

Program 1Azam, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Klinik 1Malaysia dan banyak lagi program yang telah dijalankan khususnya untuk menampung kos sara hidup golongan B40 (Mohd Ayop Abd Razid, 2013).

Kerajaan turut menyusun strategi dan program pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 khusus untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf pendapatan isi rumah golongan B40. Menurut EPU (2018), secara ringkasnya matlamat kerajaan untuk golongan B40 dapat dilihat sebagaimana dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.4: Kadar Pendapatan Purata Golongan B40 Tahun 2009, 2014 dan Jangkaan Pendapatan Purata 2020

Sumber: EPU (2018)

Berdasarkan gambar Rajah 1.2, pada tahun 2009 pendapatan purata golongan B40 adalah sebanyak RM1,440 kemudian meningkat kepada RM2,537 pada tahun 2014. Walaupun golongan B40 merupakan peringkat terendah dalam masyarakat tetapi mereka turut menjadi aset yang berharga kepada negara kerana mereka juga terdiri daripada golongan tidak mahir, separa mahir dan mahir (EPU, 2015). Sasaran kerajaan adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan ini kepada RM5,270 pada tahun 2020 dalam persediaan mencapai status negara maju pada tahun 2020 (EPU, 2015).

Walau bagaimanapun, purata pendapatan golongan B40 pada tahun 2022 masih lagi pada paras RM4,360 dan tidak mencapai target yang diinginkan oleh pihak kerajaan. Hal ini menunjukkan, strategi dalam meningkatkan pendapatan golongan B40 perlu dikaji semula dan dirangka dengan baik supaya mencapai matlamat tersebut. Laporan Audit Negara tahun 2018 siri 3 telah melaporkan 11 program di bawah EPU gagal meningkatkan pendapatan golongan B40 kerana peserta yang menyertai program tersebut tidak menepati sasaran yang sepatutnya. Tambahan pula, wujud kelemahan dalam pengurusan kewangan membabitkan prestasi perbelanjaan rendah iaitu hanya 54.4 peratus daripada keseluruhan peruntukan disalurkan, selain pelantikan agensi pelaksana atau penyedia perkhidmatan tidak mengikuti garis panduan menyebabkan latihan atau program tidak bersesuaian dilaksanakan.

Dua isu utama yang dibincangkan sebelum ini iaitu peningkatan kemiskinan bandar oleh golongan B40 ditambah dengan program agensi kerajaan yang dilaporkan gagal meningkatkan pendapatan dan taraf hidup B40. Lantaran daripada itu, kajian berkaitan memprofil golongan B40 adalah sangat penting. Hal ini kerana, umum masih belum mengetahui dengan lebih jelas kelas B40 atau golongan B40 dalam masyarakat Malaysia. Ia cuma diketahui umum setelah kerajaan menumpukan untuk meningkatkan taraf hidup golongan B40 melalui bantuan-bantuan yang disediakan berdasarkan RMK-11. Pelaksana dasar perlu mengetahui secara terperinci profil golongan ini supaya program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut agenda dan mencapai kumpulan sasar. Kini, golongan B40 hanya dikenali berdasarkan tingkat pendapatan isi rumah (RM 0 sehingga RM4360). Pengelasan taraf hidup melalui ukuran pendapatan tidak memberi gambaran yang jelas akan kehidupan golongan B40 yang sebenar, apatah lagi golongan B40 yang terhimpit dengan kos sara hidup

dikawasan bandar. Contohnya Bantuan Sara Hidup (BSH) atau dikenali sebagai Bantuan Keluarga Malaysia (Lembaga Hasil Dalam Negeri, 2022) yang layak diberikan kepada golongan B40 pada kadar yang sama diseluruh Malaysia tanpa mengira kawasan yang terlibat. Sedangkan kos sara hidup untuk bayaran barang dan perkhidmatan berbeza di kawasan bandar dan luar bandar. Pengelasan isi rumah perlu diambilkira berdasarkan keseluruhan aspek bukan sahaja pendapatan tetapi daripada segi pekerjaan, kemahiran, kesihatan, pendidikan dan juga keperluan asas yang lain mengikut kawasan.

Selain itu, pantauan turut memainkan peranan yang penting bagi memastikan strategi dan dasar yang dirancang untuk rakyat dapat dijalankan dengan baik melalui program-program yang berkesan. Pantauan terdiri daripada empat komponen iaitu matlamat, sasaran, indikator dan hasil. Komponen-komponen ini berfungsi untuk mendapatkan gambaran sebenar sasaran melalui program yang dijalankan dari semasa ke semasa. Ia akan memudahkan pengurusan dan sekali gus mencapai matlamat sesuatu program yang ditetapkan (Wenefrida Widyanti & Sudarno Sumarto, t.t).

Aspek pantauan merupakan satu keperluan dalam memastikan program yang dijalankan memenuhi prosedur, mengelakkan kesalahan yang berterusan, mengelakkan pembaziran sumber, menyelaras tugas dan meningkatkan kewibawaan dan profesionalisme (Sharifah Haayati, 2012).

Oleh yang demikian, satu usaha pembasmian kemiskinan yang bertujuan membangunkan sistem pantauan perlu dijalankan untuk membantu meningkatkan pendapatan isi rumah golongan B40 melalui urus tadbir yang terancang dan tersusun

daripada pihak kerajaan. Model pantauan yang dimaksudkan adalah menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Sistem ini juga telah banyak digunakan di negara lain untuk memeta kawasan kemiskinan misalnya di Akwa Ibom State, Nigeria (Ekpenyong & Etim, 2007), China, Filipina, Indonesia, Pakistan (Nabeela Arshad, 2005) dan Ghana (ESRI, 2009). Usaha penggunaan GIS membolehkan intervensi dibuat berdasarkan lokasi dijalankan.

Kesan pelaksanaan GIS di Ecuador misalnya, telah membantu Ecuador mengesan kepadatan penduduk miskin dalam sesuatu kawasan melalui peta yang terhasil daripada GIS. Berdasarkan peta tersebut, penduduk miskin dikesan berada di kawasan pendalam yang letaknya terlalu jauh dengan institusi pendidikan dan kesihatan (Mistiaen dan Berk 2002). Selain Ecuador, Afrika Selatan turut menggunakan GIS untuk memeta kawasan penduduk miskin, kawasan punca air bersih dan populasi penduduk berpenyakit. Sementara itu, Nicaragua pula menggunakan GIS bertujuan untuk memantau perkembangan perkhidmatan kesihatan dalam kalangan penduduk miskin manakala di Guatemala pula menggunakan sistem tersebut untuk menambah baik rangkain jalan raya di sesuatu kawasan dengan kawasan yang lain yang berkepadatan penduduk. Manakala pemetaan kemiskinan di Kemboja pula bertujuan untuk memudahkan bantuan makanan diagihkan (Tzavidis, 2010).

Perisian GIS di Malaysia turut digunakan dalam pelbagai bidang contohnya, pemetaan pulau haba bandar disekitar pusat bandaraya Kuala Lumpur (Takeuchi, Noorazuan Hashim dan Thet, 2010), mengukur segregasi kaum di Malaysia (Mohd Faris Dziauddin, Nasir Nayan dan Kamarul Ismail, 2016), pemodelan tanah runtuh di sekitar kawasan Maliau Basin Sabah (Wan Mohd Muhiyuddin Wan Ibrahim & Ruslan Rainis,

2004) dan memeta kawasan pandemik Covid-19 di Malaysia (Mohd Sahrul Syukri Yahya, Edie Ezwan Mohd Safian dan Megat Mohd Safwan Yahya, 2021). Sistem ini bukan sahaja digunakan untuk memeta ruang/kawasan tetapi ia juga dapat digunakan untuk mengukur atau menganalisis jangkaan yang akan berlaku dan sekaligus sebagai sistem pantauan di kawasan tersebut. Selain itu, ia juga digunakan dalam membuat pantauan bagi pembasmian kemiskinan dalam bentuk pemetaan di Malaysia. Pemetaan kemiskinan di Malaysia telah dilakukan di beberapa kawasan melibatkan negeri Pahang (Chamhuri Siwar et al., 2014), Terengganu (Chamhuri Siwar et al., 2014), Pulau Pinang (Narimah Samat et al., 2012) dan juga pemetaan kemiskinan diseluruh kawasan semenanjung Malaysia (M.Rafee Majid et al., 2015). Namun begitu, kajian tesis ini pula menggunakan GIS untuk pemetaan golongan B40. Ia akan memberi gambaran jelas kedudukan dan pengelompokan golongan B40 di satu-satu kawasan dan dapat membantu kerajaan dalam memperkemas dan meningkatkan kecekapan urus tadbir seiring dengan misi nasional yang ingin dicapai.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan latar belakang tersebut, objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk membantu meningkatkan pendapatan golongan B40 ke arah taraf hidup yang lebih baik. Bagi memulakan kajian ini, tiga objektif khusus yang dibentuk bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Membentuk profil golongan B40.
2. Mengenal pasti pemilikan harta golongan B40 di kawasan bandar.
3. Memeta pengelompokan golongan B40 dengan menggunakan Sistem Maklumat Geografi(GIS).

4. Membangun kaedah yang sesuai untuk meningkatkan taraf hidup golongan B40 di kawasan bandar.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang tersebut, objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk mengemukakan satu kaedah yang sesuai untuk membantu meningkatkan pendapatan golongan B40 ke arah taraf hidup yang lebih baik. Bagi memulakan kajian ini, empat objektif khusus yang dibentuk bagi kajian ini adalah seperti berikut:

Bagi objektif pertama iaitu membentuk profil golongan B40. Persoalan-persoalan kajian yang digariskan untuk objektif pertama adalah seperti berikut:

- i. Adakah golongan B40 hanya dirujuk kepada golongan yang berpendapatan RM4,360 sahaja?
- ii. Bagaimakah taraf ekonomi golongan B40?
- iii. Bagaimanakah kehidupan sosial golongan B40?

Objektif kedua pula iaitu mengenal pasti pemilikan harta golongan B40 di kawasan bandar. Terdapat tiga persoalan dibina berdasarkan objektif ini iaitu:

- i. Apakah strategi yang dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan pemilikan harta golongan B40?
- ii. Apakah golongan B40 memiliki harta?
- iii. Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh golongan B40 bandar untuk meningkatkan pemilikan harta mereka?

Seterusnya, untuk objektif ketiga memata pengelompokan golongan B40 dengan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Terdapat tiga persoalan iaitu:

- i. Apakah sistem yang telah digunakan bagi memantau golongan B40?
- ii. Bagaimanakah ia berfungsi bagi membuat pantauan?
- iii. Kawasan manakah yang boleh membuatkan golongan B40 terancam?

Objektif terakhir ialah membangun kaedah yang sesuai untuk meningkatkan pemilikan harta golongan B40 di kawasan bandar. Satu persoalan kajian yang digariskan iaitu:

- i. Apakah kaedah yang sesuai yang perlu dilakukan untuk menaik taraf golongan B40?

Persoalan-persoalan kajian ini dibina untuk memudahkan kajian dijalankan serta mencapai empat objektif khusus tersebut. Rumusan hubung kait antara objektif dan persoalan kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Hubung Kait antara Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

Bil.	Objektif	Persoalan
1.	Membentuk profil golongan B40	<ol style="list-style-type: none">i. Apakah golongan B40 hanya dirujuk kepada golongan yang berpendapatan RM4,360 sahaja?ii. Bagaimakah taraf ekonomi golongan B40?iii. Bagaimanakah kehidupan sosial golongan B40?
2.	Mengenal pasti tahap pemilikan harta golongan B40 di kawasan bandar	<ol style="list-style-type: none">i. Apakah strategi yang dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan pemilikan harta golongan B40?

		<ul style="list-style-type: none"> ii. Apakah golongan B40 memiliki harta? iii. Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh golongan B40 bandar untuk meningkatkan pemilikan harta mereka?
3.	Memeta pengelompokan golongan B40 dengan menggunakan Sistem Maklumat Geografi(GIS).	<ul style="list-style-type: none"> i. Apakah sistem yang telah digunakan bagi memantau golongan B40? ii. Bagaimanakah ia berfungsi bagi membuat pantauan? iii. Kawasan manakah yang boleh membuatkan golongan B40 terancam?
4.	Membangun kaedah yang sesuai untuk meningkatkan pemilikan harta golongan B40 di kawasan bandar	<ul style="list-style-type: none"> i. Apakah kaedah yang sesuai yang boleh dilakukan untuk menaik taraf golongan B40?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan merangka satu strategi untuk meningkatkan taraf hidup B40 dikawasan bandar. Kajian ini penting adalah untuk membantu Malaysia dalam usaha mengurangkan kemiskinan seiring dengan misi antrabangsa iaitu SDGs dalam merealisasikan sifar kemiskinan pada tahun 2030.

Kajian ini menemui salah satu punca kemiskinan yang berlaku disebabkan isu perkahwinan. Isu perkahwinan yang dimaksudkan iaitu penceraian dan poligami yang

tidak adil. Hasil kajian tesis ini menunjukkan, informan cenderung menjadi miskin disebabkan berlaku penceraian dan masalah poligami yang tidak adil. Para isteri kehilangan ketua keluarga sebagai pencari nafkah utama dan menyebabkan penapatan bulanan isi rumah berkurang atau terjejas.

Selain itu, kajian ini memberi sumbangan ilmu berkaitan dengan penjelasan profil golongan B40 dan mencadangkan kaedah yang sesuai berdasarkan kajian yang dijalankan untuk meningkatkan taraf hidup miskin bandar khususnya kepada golongan B40.

Justeru kajian ini diharapkan dapat membantu urus tadbir kerajaan dalam mengurus golongan B40 di negara ini khususnya di kawasan bandar dengan bantuan sistem pemetaan GIS. Selain itu, di akhir kajian terdapat cadangan untuk meningkatkan pemilikan harta golongan B40 bagi menambah baik pendapatan dan meningkatkan kelas golongan ini. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pengubal polisi dan dasar negara untuk merancang program atau aktiviti untuk memperkasa golongan B40 menjelang Wawasan 2025.

1.6 Organisasi Tesis

Tesis ini terbahagi kepada lima bab utama. Bab pertama dimulai dengan bab Pengenalan. Bab kedua Sorotan Karya. Kemudian bab ketiga ialah Metodologi Kajian. Seterusnya bab keempat Analisis Kajian dan diakhiri dengan bab kelima iaitu bab Kesimpulan.

Bab Pengenalan mengandungi enam bahagian iaitu Latar Belakang, Realiti Golongan B40 Di Malaysia, Objektif Kajian, Persoalan Kajian, Kepentingan Kajian dan Organisasi Tesis.

Bab kedua tesis ini pula bab Sorotan Karya. Sorotan karya dibahagikan kepada tema tertentu. Ia dibincangkan untuk mengenal pasti jurang karya yang wujud hasil daripada penulisan pengkaji lepas. Bab ini juga membincangkan pendekatan teori. Kemudian satu teori dipilih sebagai pengukur untuk mendapatkan data yang bersesuaian dengan kajian. Di akhir bab ini, terdapat kerangka konseptual kajian yang membantu sebagai panduan dan hala tuju kajian.

Seterusnya bab ketiga ialah bab Metodologi Kajian. Bab ini menjelaskan metodologi atau kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengakaji dalam tesis ini. Maklumat kajian dikumpulkan dan dianalisis berdasarkan kaedah tertentu untuk mencapai objektif kajian. Pemilihan metodologi yang betul adalah sangat penting untuk memperoleh dapatan sebenar kajian. Bab ini juga menjelaskan berkaitan skop dan batasan yang terdapat sepanjang menjalankan kajian ini.

Bab keempat dalam tesis ini ialah bab Analisis Kajian. Data yang diperolehi semasa melakukan kajian lapangan akan dibincangkan dan dianalisis dalam bab ini dengan menggunakan instrumen yang dinyatakan dalam bab tiga untuk mencapai objektif dan menjawab kesemua persoalan kajian.

Kemudian bab yang terakhir dalam kajian ini adalah bab kelima iaitu bab Kesimpulan. Bab ini merangkumi rumusan keseluruhan dapatan kajian yang diperolehi untuk

menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Dalam bab ini turut dibincangkan implikasi dan cadangan dasar serta cadangan penyelidikan masa hadapan.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan penelitian terhadap penulisan-penulisan yang lepas berkaitan kajian ini. Berdasarkan penelitian yang telah lepas terdapat lima tema yang boleh dibahagikan berkaitan dengan kajian ini. Lima tema tersebut ialah teori kemiskinan, kemiskinan bandar, golongan B40 di Malaysia, pemetaan kemiskinan melalui Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan pemilikan aset. Kelima-lima perbincangan tema tersebut dilakukan untuk menemui jurang karya yang terdapat dalam kajian lepas. Jurang karya yang ditemui dalam bab ini juga menjadi hasil sumbangan akademik dalam bidang ini. Jurang ini akan dipenuhi melalui kajian ini. Setelah perbincangan dilakukan, satu teori akan dipilih melalui perbincangan tersebut sebagai kerangka kajian yang akan memandu pengkaji untuk mendapatkan data kajian yang lebih tepat.

2.2 Teori Kemiskinan

Tema ini membincangkan beberapa teori yang memiliki hubung kait dengan kajian ini. Melalui teori-teori yang dibincangkan tersebut, pengkaji akan memilih teori yang paling bersesuaian untuk membantu pengkaji memilih data yang tepat untuk kegunaan kajian ini. Teori kemiskinan yang dibincangkan dalam tema ini ialitu Teori Stratifikasi Sosial, Teori Konflik dan Teori Transformasi Sosial.